



JKWPKL&P

**KETERANGAN PINDAAN**

Pindaan		Muka surat/ Klausa / Perenggan	Butir-Butir Pindaan Yang Dibuat	Pindaan Diluluskan Oleh
No	Tarikh			
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				

DOKUMEN TIDAK TERKAWAL



## **1.0 OBJEKTIF**

Prosedur ini menggariskan tatacara pihak Unit HIV / STI Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan KL&Putrajaya dalam memantau aktiviti penyiasatan kes jangkitan HIV dalam tempoh yang ditetapkan. Prosedur ini juga dibuat adalah bertujuan untuk membantu dalam pengesanan dan pengurusan kes serta kontak kes yang terdedah kepada risiko jangkitan HIV bagi memastikan aktiviti kawalan dan pencegahan dapat dijalankan dengan kadar yang segera.

## **2.0 SKOP**

Prosedur ini dibuat sebagai panduan kepada Ketua Penolong Pengarah dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran yang bertugas di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya dalam Kawalan dan Pencegahan Kes HIV

## **3.0 RUJUKAN**

3.1 Dokumen Kualiti : JKWPKL&P-PK-KA-05

## **4.0 DEFINISI**

### **4.1 Kes Baru**

Tiada tindakan input maklumat siasatan di bawah tujuh(7) hari dari tarikh daftar notifikasi kes.

### **4.2 Lewat Siasatan**

Tiada tindakan input maklumat siasatan di antara tujuh (7) ke 14 hari dari tarikh daftar notifikasi kes.

### **4.3 Gagal Ambil Tindakan**

Tiada tindakan input maklumat siasatan selepas 14 hari dari tarikh daftar notifikasi kes.

### **4.4 Gagal Dikesan**

Maklumat siasatan terhad dan tidak lengkap kerana pesakit tidak dapat dikesan. Input maklumat dibuat dan selesai di modul pendaftaran dan siasatan dengan status "Gagal Dikesan".

### **4.5 Tiada Kerjasama**

Maklumat siasatan terhad dan tidak lengkap kerana pesakit tidak memberi kerjasama. Input maklumat dibuat dan selesai di modul pendaftaran dan siasatan dengan status "Tiada Kerjasama".

### **4.6. Selesai**

Maklumat siasatan diperolehi dengan lengkap kerana pesakit ditemui dan memberi kerjasama. Input maklumat dibuat dan selesai di modul pendaftaran dan siasatan dengan status "Selesai".



## 5.0 SINGKATAN

### 5.1 Pentadbiran

JKWPKL&P	: Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
PK	: Pejabat Kesihatan
eNotifikasi	: Laman web Sistem eNotifikasi
NAR	: Laman web National AIDS Registry

### 5.2 Jawatan

KPPK	: Ketua Penolong Pengarah Kanan (Unit HIV / STI), JKWPKL&P
KPP	: Ketua Penolong Pengarah (Unit HIV / STI), JKWPKL&P
MO	: Pegawai Perubatan
PPP	: Penolong Pegawai Perubatan
KJK	: Ketua Jururawat Kesihatan
PPKP	: Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
PPKPK	: Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan

## 6.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

### 6.1 Pemantauan siasatan kes HIV.

AKTIVITI/ PROSES	TINDAKAN
1. Memantau input dan daftar notifikasi kes – kes HIV di dalam sistem e-Notifikasi setiap bulan.	KPPK/ PPKP, JKWPKL&P
2. Memantau status tindakan yang telah diambil ke atas kes HIV yang telah didaftarkan di dalam sistem NAR setiap bulan.	KPPK/ PPKP, JKWPKL&P
3. Menyediakan laporan pemantauan status tindakan yang telah diambil ke atas kes HIV yang telah didaftarkan di dalam sistem NAR pada minggu pertama setiap bulan.	KPPK/ PPKP, JKWPKL&P
4. Menghantar laporan pemantauan status tindakan yang telah diambil ke atas kes HIV yang telah didaftarkan di dalam sistem NAR setiap bulan kepada PPKP Unit HIV/STI Pejabat Kesihatan yang berkenaan.	KPPK/ PPKP, JKWPKL&P



## 7.0 LAMPIRAN

7.1 Senarai kes HIV yang di input notifikasi setiap bulan.

## 8.0 REKOD KUALITI

NAMA REKOD	LOKASI	TEMPOH
Laporan pemantauan status tindakan yang telah diambil ke atas kes HIV yang telah didaftarkan di dalam sistem NAR satu kali pemantauan setiap bulan.	Bilik PPKPK Unit HIV / STI	3 tahun